

UNIVERSITI SAINS MALASIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RPW 544 Perancangan Wilayah dan Desa

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Terangkan 2 daripada yang berikut:

- (i) strategi pembangunan sumber-sumber dan tanah-tanah baru.
- (ii) strategi pembangunan di-situ luar bandar.
- (iii) strategi penyebaran industri.

(25 markah)

2. Sebagai seorang perunding, anda diminta menyediakan satu Kajian Kemungkinan Pembangunan Bandar Baru di dalam suatu wilayah. Senaraikan dan huraikan isi kandungan yang sepatutnya anda sentuh.

(25 markah)

3. Bincangkan rasionalnya 2 dasar-dasar berikut di dalam konteks perancangan pembangunan wilayah negara:

- (i) Dasar Pertanian Negara.
- (ii) Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar.
- (iii) Dasar Urbanisasi Negara.
- (iv) Dasar Industri Berat.

(25 markah)

...2/-

4. 'Eisenstadt' melihat pentadbiran penjajahan melakukan perancangan-perancangan di dalam bentuk yang terlalu sempit. Berdasarkan kes Malaysia Barat, huraikan beberapa polisi atau dasar penjajahan dan kesannya ke atas ketidakseimbangan sosio-ekonomi antara wilayah-wilayah mundur dan maju.

(25 markah)

5. Amalan perancangan pembangunan wilayah di Malaysia lebih merupakan pembangunan pertanian. Sejauh manakah pendekatan tersebut dapat menolak pendapat-pendapat yang menyatakan pembangunan sesebuah wilayah bergantung kepada wujudnya Kutub Pertumbuhan yang berasaskan industri utama.

Bincangkan pendapat anda dengan memberikan beberapa contoh yang berkaitan.

(25 markah)

6. Sejauh manakah dasar-dasar pengwilayahan luar negeri (seperti di Amerika Syarikat, Britain dan lain-lain) boleh digunapakaikan di Malaysia?.

Bincangkan keberkesanan dasar-dasar tersebut di dalam menyelesaikan masalah-masalah perancangan wilayah dan desa di Malaysia.

(25 markah)

-ooo00ooo-